

03/12/2000

Sharir patut guna saluran betul

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Beberapa pemimpin Umno menasihatkan Datuk Sharir Samad meluahkan dan menyelesaikan masalah rumah tangga parti secara tertutup, bukan dihebutkan di luar hingga terbuka pekung di dada.

Mereka mahu Sharir menggunakan kedudukannya sebagai ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno untuk menyuarakan rasa tidak puas hati di dalam mesyuarat parti itu.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata jika wujud sebarang isu yang membabitkan soal dalaman parti, lebih baik disampaikan secara tertutup menggunakan saluran betul supaya tidak membuka pekung di dada.

"Contohnya, emak dan bapa yang bertengkar adalah elok masuk bilik ...bincangkan masalah, bukan berbuat demikian di depan anak yang mungkin memberi tanggapan berbeza," katanya ketika dihubungi, semalam.

Kenyataan Sharir yang disiarkan dalam laman web, Malaysiakini.com Khamis lalu berkisar kepada andaiannya mengapa Barisan Nasional (BN) tewas dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas, mengejutkan ramai pihak.

Antara lain, Sharir dilaporkan berkata pengundi di Lunas tidak berpuas hati kerana tiada perubahan dalam kerajaan dan bukan disebabkan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketua Umno Bahagian Johor Bahru itu juga dipetik memberitahu Malaysiakini.com, penggunaan poster Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkemungkinan turut membawa kepada kekalahan dalam pilihan raya itu.

Malah, Sharir turut dilaporkan berkata kritikan Perdana Menteri terhadap orang Cina antara punca kekalahan BN di Lunas.

Muhammad berkata, Sharir sepatutnya membincangkan isu itu dalam mesyuarat MT.

"Saya percaya pembangkang tidak membincangkan perkara tertentu secara terbuka," katanya.

Ahli MT, Azalina Othman Said, pula bersetuju dengan pendapat Muhammad tetapi menambah ia mungkin ada kaitan dengan budaya orang Melayu yang lebih suka membincangkan sesuatu di luar saluran yang disediakan.

"Saya rasa ini masalah orang Melayu, bukan saja orang Umno. Kita ada parti iaitu Umno, gunakanlah saluran itu untuk menyuarakan pendapat bagi memperjuangkan nasib parti dan orang Melayu.

"Jika kita berbuat demikian di luar, maka keadaan mungkin menjadi lebih buruk. Janganlah kita marahkan nyamuk, kelambu dibakar. Masalah "rumah tangga" (Umno), hendaklah diselesaikan secara tertutup," katanya.

Kelmarin, dalam sidang akhbar selepas mesyuarat MT, Dr Mahathir yang turut ditanya mengenai isu dibangkitkan oleh Sharir itu bagaimanapun menyatakan ia merupakan pandangan peribadi bekas menteri Kebajikan Masyarakat itu.

Difahamkan, Sharir tidak mengulangi kenyataannya itu dalam mesyuarat MT kelmarin.

(END)